

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN
(KAMPAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.10.2015

Y.B. DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) hasil tahunan, perbelanjaan dan penyata untung dan rugi bagi 1MDB sejak 2009; dan

(b) jumlah aliran tunai tahunan untuk 1MDB sejak 2009, dan cukai yang dibayar setiap tahun oleh 1MDB sejak 2009.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah terperinci hasil tahunan, perbelanjaan, penyata untung dan rugi dan aliran tunai yang dibuat oleh

1MDB ada dinyatakan di dalam Penyata Kewangan 1MDB yang telah diaudit sejak tahun 2009 dan telah difailkan setiap tahun di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Maklumat terperinci berkaitan Penyata Kewangan 1MDB yang telah diaudit boleh dimuat-turun di laman web SSM.

1MDB dan anak syarikat milikan penuhnya telah mendapat pengecualian cukai pendapatan termasuk dividen bagi tempoh 10 tahun selaras dengan seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967. Walau bagaimanapun, bagi anak syarikat lain yang diperolehi 1MDB (*acquired*, dengan izin) tidak mendapat pengecualian tersebut.